

13 OCT 1999

STANCHART-MAHATHIR

GILLAM PUJI PEMULIHAN CEPAT EKONOMI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Pemulihan Malaysia yang cepat daripada kegawatan ekonomi serantau dimungkinkan oleh strategi-strategi yang sihat yang diguna pakainya dan ini adalah amat terpuji, kata seorang tokoh bank hari ini.

"Saya fikir ia adalah berasas luas dan berasaskan kenaytaan. Ia berlaku dengan begitu amat cepat," pengerusi Standard Chartered Bank Sir Patrick Gillam, memberitahu persidangan akhbar di sini selepas perjumpaan satu delegasi daripada Majlis Perniagaan British Malaysia (MBBC) dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemulihan ekonomi yang cepat itu adalah juga satu gambaran pemulihan rantau ini, tambahnya.

Malaysia mencatatkan penguncupan 7.5 peratus dalam keluaran dalam negeri kasar pada 1998, penguncupan lebih kecil 1.3 peratus dalam suku pertama tahun 1999 dan pertumbuhan 4.1 peratus dalam suku berikutnya.

Gillam, yang juga pengerusi bersama MBBC dan rombongan 13 anggota jawatankuasa eksekutif MBBC, pagi tadi diberi taklimat terkini mengenai keadaan ekonomi di dalam satu taklimat.

Mengenai program penggabungan institusi-institusi kewangan domestik yang dipandu kerajaan, katanya, langkah untuk menjadikan sistem perbankan lebih kukuh dan lebih bernilai kredit adalah terpuji.

"Itu adalah tujuan kerajaan dan saya fikir hasrat itu adalah baik," tambahnya.

Gillam dan Mirzan Mahathir mengetuai bersama perjumpaan MBBC dengan Dr Mahathir. Mirzan, yang juga pengerusi bersama MBBC, berkata perjumpaan hari ini adalah kali kedua jawatankuasa eksekutif MBBC menemui perdana menteri.

Di dalam perjumpaan lebih sejam itu, anggota-anggota jawatankuasa itu memberi taklimat kepada perdana menteri mengenai usaha majlis itu menggalakkan perdagangan dan pelaburan yang lebih besar di kalangan sektor-sektor swasta kedua-dua negara, kata Mirzan.

Gilliam memberitahu bahawa jawatankuasa eksekutif itu telah mengenal pasti tiga bidang, iaitu teknologi maklumat (IT), infrastruktur dan pendidikan yang akan digalakkan oleh majlis itu.

Beliau menjelaskan bahawa ketiga-tiganya telah dipilih kerana Britain mempunyai kelebihan dalam pendidikan dan infrastuktur manakala Malaysia maju setapak di dalam IT dengan projek Koridor Raya Multimedianya.

-- BERNAMA

AD KTC OS